

## ISLAMIC ARTS IN THE CIVILIZATION HERITAGE

## KESENIAN ISLAM DALAM WARISAN KETAMADUNAN

Abdul Basit Samat<sup>i</sup>; Akmaliza Abdullah<sup>ii</sup>; Adibah Muhtar<sup>iii</sup>; Abd. Rahman Hj. Hamzah<sup>iv</sup>; Azahar Yaakub @ Ariffin<sup>v</sup>; & Norhafizah Musa<sup>vi</sup>

<sup>i</sup> (Corresponding author). Pensyarah Kanan, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia 81310 UTM Skudai, Johor. basit@utm.my

<sup>ii</sup> Pensyarah, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia 81310 UTM Skudai, Johor. a\_akmaliza@utm.my

<sup>iii</sup> Pensyarah, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur, Jalan Sultan Yahya Petra, 54100 Kuala Lumpur. adibah\_dm@utm.my

<sup>iv</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia 81310 UTM Skudai, Johor. arhamp@utm.my

<sup>v</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur, Jalan Sultan Yahya Petra, 54100 Kuala Lumpur. azahar.kl@utm.my

<sup>vi</sup> Pensyarah, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur, Jalan Sultan Yahya Petra, 54100 Kuala Lumpur. norhafizah.kl@utm.my

<b>Abstract</b>	<p><i>This article is aimed at discussing on the legacy of Islamic arts as a part of the comprehensiveness of Islam in line with its role as din al-fitrah that acknowledges the needs for arts in human being's life. Art is a universal message which touches human instincts regardless of the religion, race and language while at the same time may either give positive or negative influences on them. Methodology used was document analysis, where the data was collected from books and journal articles. The reseach findings delineating the concept of arts in the Islamic perspective as well as its characteristics that make the Islamic arts products special in its own way. All kinds of arts need to adhere to the rules stated by shari'ah in order for them to be attributed to Islam and to differentiate them with the arts that are not based on Islam. Shariah compliant Islamic arts can be a medium to propagate true da'wah without bringing confusion to the society. The Islamic arts encompass multifarious forms including architecture, calligraphy (khat), music, etc. that do not only portray the beauty and intricacies but also contain a tawhidic doctrine and moral principles that are fundamentals of the Islamic teachings.</i></p> <p>Keywords: Arts, Islamic arts, Islamic Civilization.</p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Penulisan ini bertujuan untuk membincangkan tentang warisan kesenian Islam yang menjadi sebahagian daripada aspek kesyumulan Islam selaras dengan sifatnya sebagai agama fitrah yang mengiktiraf peri keperluan kesenian dalam kehidupan manusia. Kesenian merupakan satu bentuk mesej yang bersifat universal dan boleh menyentuh naluri insani tanpa mengira agama, bangsa dan bahasa, namun dalam masa yang sama ia boleh memberi pengaruh baik dan buruk kepada manusia. Metodologi yang digunakan ialah analisis dokumen, di mana data dikumpulkan daripada buku dan artikel jurnal. Dapatan kajian menjelaskan tentang konsep seni menurut perspektif Islam serta ciri-cirinya yang menjadikan penghasilan seni dalam Islam mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Sesuatu bentuk kesenian itu perlu mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh syariat bagi mewajarkannya untuk layak dinisbahkan kepada Islam dan</i></p>

	<p><i>membezakan dengan kesenian yang bukan berteraskan Islam. Kesenian Islam yang patuh syariat boleh menyampaikan mesej dakwah yang benar dan tidak membawa kekeliruan kepada masyarakat. Kesenian Islam yang merangkumi pelbagai cabang seni seperti seni bina, seni kaligrafi (khat), seni suara dan sebagainya bukan sahaja memberi gambaran keindahan dan kehalusan bahkan ianya mengandungi doktrin tauhid dan prinsip moral yang menjadi teras kepada ajaran agama Islam.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Kesenian, Kesenian Islam, Tamadun Islam</i></p>
--	---

## PENDAHULUAN

Seni yang dikenali sebagai *art* dalam bahasa Inggeris dan '*al-fan*' dalam bahasa Arab bermaksud sesuatu yang 'halus', murni, cantik, indah dan permai manakala dari segi istilah pula bermaksud sesuatu karya samada sajak, lukisan, muzik yang dicipta dengan bakat kecekapan ataupun hasil daripada sesuatu ciptaan (Kamus Dewan, 2010). Menurut Plato, seni ialah kemahiran sesuatu karya dengan melakukan peniruan semula dari alam (The Encyclopedia Americana, 1995). Seni adalah usaha mencipta bentuk-bentuk yang menyenangkan (*pleasure*). Bentuk-bentuk ini mampu melahirkan penghayatan terhadap keindahan sehingga manusia mampu mengapresiasi (menghargai) hubungan antara persepsi dan penghayatan dan ianya berkait rapat dengan keindahan (Sidi Gazalba, 1977). Oleh yang demikian, seni melahirkan keindahan atau estetika, kebahagiaan, ketenangan dan kesenangan. Secara umumnya seni merupakan sesuatu ciptaan yang indah, cantik dan menyenangkan. Ianya ditafsirkan sebagai sesuatu hasil ciptaan manusia yang memiliki nilai estetika dalam kepengarangannya (*composition*), pernyataannya (*expression*) dan hiasannya yang paling menonjol atau dominan juga dalam hal tertentu mengambil kira aspek kegunaannya (Mohd. Taib Osman dan A. Aziz Deraman 2000). Pelbagai definisi diberikan bagi menjelaskan maksud seni. Walaupun definisi-definisi yang dikemukakan berbeza dari segi susunan ayat namun tetap mempunyai persamaan dari segi maksud yang hendak dinyatakan.

Apabila membicarakan tentang seni, maka tentu sekali tidak dapat lari daripada perkataan indah bagi menyatakan apresiasi kita tentang keindahan dan keunikan sesuatu karya seni. Di sini, sebenarnya terdapat perkaitan rapat antara keindahan dan seni itu sendiri. Ini dapat dilihat pada pandangan oleh Herbert Read (1959) dalam bukunya *The Meaning of Art* yang mendefinisikan seni sebagai percubaan untuk menciptakan sesuatu yang menyenangkan hati. Kesenian adalah usaha untuk membentuk kesenangan yang merupakan salah satu naluri asasi manusia. Oleh yang demikian kesenian itu berkait rapat dengan kemanusiaan seperti juga agama, sosial, ekonomi, berfikir, pengetahuan dan kerja.

Kesenian adalah sebahagian daripada kebudayaan yang dicetuskan oleh sekelompok manusia kerana setiap kelompok masyarakat mempunyai fitrah semulajadi yang cinta kepada seni yang menyenangkan hati melalui pancaindera rasa yang lima. Oleh yang demikian, manusia dikatakan sebagai makhluk seni yang cinta kepada sesuatu yang selamat, memuaskan dan memberi kepuasan hati melalui pancaindera rasa (Sidi Gazalba 1977). Dalam konteks kebudayaan, bidang kesenian merupakan bidang yang berfungsi dalam memenuhi estetik (*aesthetic pleasure*) manusia (Othman Mohd. Yatim 1989).

Seni sebagaimana yang diungkapkan oleh Muhammad Quraish Shihab (1996) sebagai 'keindahan' yang merupakan ekspresi roh dan budaya manusia, mengandungi serta mengungkapkan keindahan. Ia lahir dari sisi terdalam manusia didorong oleh kecenderungan seniman kepada yang indah, apapun jua jenis keindahan itu. Mahyudin Yahya (1998) pula menyifatkan kesenian itu bukan suatu benda yang mati, malah ia hidup dan bernafas dengan mekarnya, rasa yang tumbuh dalam sanubari manusia dari masa ke semasa. Ia adalah pancaran dari sebuah tamadun. Othman

Mohd Yatim (1989) menyatakan ketinggian tamadun sesuatu bangsa itu dicerminkan melalui kecemerlangan keseniannya baik dalam aspek warisan fizikal mahupun pemikirannya.

Berdasarkan kepada definisi-definisi yang diberikan, dapatlah disimpulkan bahawa seni sebagai sesuatu yang indah, cantik, halus yang dihasilkan melalui imaginasi dan kreativiti manusia. Hasil seni yang sedemikian rupa mampu mendatangkan rasa senang dimana kesenangan dalam jiwa adalah satu tuntutan naluri manusia. Seni adalah sesuatu yang bersifat dinamik iaitu sentiasa berkembang mengikut arus zaman hasil dari kreativiti dan sifat inovatif yang ada pada manusia dari masa ke semasa.

Seni wujud dalam setiap aspek penghasilan. Ia dapat dilihat pada seni sastera, seni ukir, seni lukis, seni tulisan, seni halus, seni bina, seni muzik, seni persembahan dan lain-lain. Seni sastera meliputi sastera prosa dan puisi yang melibatkan syair, pantun, gurindam, seloka, sajak dan sebagainya. Seni ukir merangkumi ukiran kayu, batu, seramik, logam, kaca dan lain-lain. Seni lukis menyentuh lukisan kanvas, tekstil, kertas dan sebagainya. Seni persembahan adalah seperti seni lakon melalui drama, teater, bangsawan, filem dan lain-lain (Mujani Tarimin dan Fairuz al-Basri, 2014). Seni tulisan pula adalah seperti tulisan khat ataupun sebarang jenis kaligrafi.

Seni seharusnya difahami secara luas. Keluasan skop seni menunjukkan bahawa ia mempunyai fungsi dan nilai sosial dalam masyarakat. Seharusnya ia tidak dilihat sebagai satu aspek yang kecil sepertimana perspektif masyarakat yang lebih menggambarkan seni hanya berkisar kepada seni hiburan semata-mata seperti seni muzik (bunyi-bunyian) dan suara dalam bentuk nyanyian semata-mata.

## **METODOLOGI**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Data diperoleh daripada buku dan artikel jurnal berkaitan kesenian menurut Islam. Data dianalisa menggunakan kaedah analisis kandungan.

## **KONSEP SENI DALAM ISLAM**

Islam sebagai agama fitrah memperakui keperluan seni dalam hidup manusia kerana seni merupakan fitrah atau tabii semulajadi manusia. Seni juga merupakan anugerah Allah S.W.T yang amat berharga kepada manusia dan sebagai makhluk ciptaanNya. Islam melihat bahawa aspek kesenian itu adalah sesuatu yang membawa kemanfaatan kepada manusia seperti hasil keindahan yang terhasil itu adalah ciptaan Allah S.W.T atau melalui kemahiran atau kreativiti manusia itu sendiri. Ini dapat dilihat pada istilah seni itu sendiri iaitu seni ialah sesuatu yang halus dan indah lagi menyenangkan hati serta perasaan manusia, diciptakan Allah S.W.T ataupun yang dihasilkan oleh fikiran, kemahiran, imaginasi dan perbuatan manusia (Abdul Ghani Samsudin 2001). Dalam erti kata lain ia membawa nilai yang halus, indah, baik dan suci; berguna dan bermanfaat kepada manusia serta mempunyai fungsi dan nilai sosial.

Seni adalah keindahan yang didambakan oleh setiap insan yang mempunyai citarasa. Citarasa seseorang adalah berbeza daripada individu yang lain. Perbezaan ini mendorong lahirnya pelbagai bentuk seni yang berbeza dengan pencinta yang berbeza. Umat Islam memiliki kebebasan untuk memilih aktiviti seni untuk menunaikan tuntutan fitrahnya tetapi perlu berdasarkan asas-asas syarak yang jelas (Siti Rugayah Tibek 2006).

Menurut Muhammad Abdul Jabbar Beg (1981), seni Islam ialah kesenian yang melambangkan peribadatan kepada Allah S.W.T yang dihasilkan oleh umat Islam dari semua keturunan di lingkungan masyarakat Islam. Seni Islam disifatkan sebagai kesenian yang seimbang antara bentuk dan isi. Ia juga merupakan pertemuan antara *al-Jamal* (keindahan) dan *al-haq* (kebenaran) (Ismail Faruqi dan Lois Lamya 1992). Keindahan adalah hakikat alam tercipta dan kebenaran adalah puncak keindahan. Nilai

estetika dalam kesenian Islam mestilah bersepadu dan mengambil kira semua dimensi, peringkat dan manifestasi kehidupan. Ia hendaklah bermula dengan keindahan jasmani dan berakhir dengan Yang Maha Indah iaitu Allah S.W.T. Sehubungan dengan itu, keindahan menurut Islam ialah keindahan yang terpancar dari nilai tauhid, syariat dan akhlak yang membawa kepada kebaikan dan kebenaran.

Para sarjana muslim memasukkan seni sebagai sebahagian dari Islam. Walau bagaimanapun, seni mestilah mempunyai kriteria yang baik dan bersesuaian dengan syariat Islam. Kriteria baik dan buruk menjadi penentu kepada kelahiran hukum halal dan haram sesuatu seni. Seni yang terangkum dalam kriteria yang baik dan bersesuaian dengan syariat Islam adalah halal dan yang sebaliknya adalah haram (Abdul Ghani Shamsuddin 2001).

Kedatangan Islam tidaklah memberi penekanan kepada persoalan seni, namun asas-asas yang menyediakan tapak bagi kelahiran seni yang bersifat keislaman cukup kuat terutama dari aspek kejiwaan yang memberi rangsangan kepada penciptaan seni yang tinggi. Seni di dalam Islam merupakan persoalan yang mendatang, tumbuh dan berkembang subur bersama perkembangan budaya menerusi ruang zamannya selepas melalui siri pembentukan, penyesuaian dan penghalusan yang selaras dengan nilai Islam (Oleg Grabar 1974). Nilai-nilai Islam menjadi asas kepada seni Islam itu sendiri, sehubungan dengan itu tidak terdapat percanggahan antara pembentukan seni Islam dengan peraturan syariat.

Persoalan tentang apa itu kesenian Islam seringkali timbul apabila aspek kesenian Islam dibincangkan. Misalnya persoalan sejauhmanakah sesebuah hasil seni dianggap kesenian Islam dan apakah kriteria-kriteria yang menjadi ukuran. Lois Lamya al-Faruqi (1982) melihat kewajarannya sebagai sesuatu hasil seni yang dihasilkan oleh orang-orang Islam. Beberapa pendekatan dibuat dalam meletakkan sesuatu hasil seni itu sebagai kesenian Islam. Pertama dengan pendekatan yang memilih bidang-bidang khusus misalnya senibina masjid, khat dan sebagainya yang mempunyai pertalian rapat dengan roh keislaman dan berperanan memancarkan cahaya peradaban umatnya. Manakala pendekatan kedua melihat secara keseluruhan yang lebih bersifat pensejarahan dengan mencari asal usul pertumbuhan yang sesetengah bidang seni mencapai kematangan dan kesempurnaan hingga mempunyai identiti tersendiri yang memperlihatkan ciri-ciri yang sesuai dengan Islam dan diterima sebagai seni Islam (Talbot R. David, 1975).

Pada dasarnya, boleh dikatakan kesenian Islam adalah seni yang dihasilkan oleh orang Islam tanpa mengira bangsa samada Arab, Melayu, India dan sebagainya. Namun definisi ini adalah longgar atau bersifat umum. Dalam pengertian yang lebih khusus, tidak semua penghasilan seni oleh orang-orang Islam dapat dikategorikan sebagai seni Islam kerana terdapat kemungkinan karya seni itu ada yang bercanggahan dengan nilai-nilai Islam seperti seni ukiran patung yang sememangnya dilarang dalam Islam, sehubungan dengan itu tidaklah dikatakan ianya hasil seni Islam (Shafie Abu Bakar, 1992).

Pandangan yang menyatakan bidang kesenian tiada hubungan serta di luar urusan Islam sebenarnya menentang dan menafikan tabii alam dan fitrah manusia itu sendiri dimana perasaan seni yang tumbuh dalam diri manusia merupakan anugerah tabii daripada Allah S.W.T yang tidak ternilai. Ini dilihat dari segi tabii kewujudan seluruh kejadian alam merupakan ciptaan seni yang maha agung. Seluruh kejadian dari sekecil-kecil hingga yang sebesar-besarnya berada pada paksi tabiinya yang seimbang dengan kombinasi keseluruhan yang menyempurnakan. Ia tidak lain dari dalil yang membuktikan keagungan Pencipta Yang Maha Sempurna (Ahmad Kamal Abdullah, 1990).

Islam sebagai agama fitrah tidak melarang umatnya menikmati keindahan selagi ia tidak bertentangan dengan lunas-lunas agama. Keindahan juga merupakan salah ciri keesaan, kebesaran dan kesempurnaan Allah S.W.T. Sabda Rasulullah S.A.W bermaksud Sesungguhnya Allah Maha Indah dan sukakan keindahan Namun

dalam pada itu, Islam melarang pembentukan seni yang melampaui batas iaitu yang boleh membawa perasaan riya', takbur, merosakkan akidah.

Hubungan sesama manusia membentuk hubungan sosial yang akan mewujudkan kebudayaan. Kebudayaan kemudiannya dibahagikan kepada prinsip-prinsip asas iaitu sosial, politik, ekonomi ilmu pengetahuan, seni dan falsafah. Namun kebudayaan ini tidak boleh diputuskan dalam konteks hubungan dengan Allah S.W.T. Memetik kata-kata Sayyid Qutb (1984):

*Islam tidak anti seni. Ia hendaklah meletak, menambah dan menyempurnakan apresiasi dan nilai-nilainya, guna terciptanya apresiasi dan nilai-nilai baru yang berdaya mampu menambahkan rasa seni yang kreatif membentuk kesenian Islam.*

Ini menjelaskan tentang penerimaan dan pengiktirafan Islam terhadap seni itu sendiri. Seni bertepatan dengan fitrah manusia. Aspek seni dalam apa jua bidang kesenian sekalipun boleh dimanfaatkan dalam mendekati diri kepada Allah S.W.T. Naluri fitrah semulajadi manusia sukakan kepada seni atau sesuatu yang indah, tidak dinafikan bahawa ia suatu anugerah yang amat bernilai kepada manusia. Pengiktirafan kepada seni menunjukkan bahawa Islam amat bertepatan sebagai agama fitrah kepada manusia.

Keindahan merupakan salah satu ciri keesaan, kebesaran dan kesempurnaan Allah S.W.T. Ianya adalah salah satu sifat kesempurnaanNya. Allah S.W.T menyintai keindahan, maka segala yang diciptanya juga merupakan pancaran keindahanNya. Manusia adalah makhluk yang paling indah yang dijadikan oleh Yang Maha Pencipta. Firman Allah S.W.T:

﴿الَّذِي أَحْسَنَ كُلَّ شَيْءٍ خَلَقَهُ ۖ وَبَدَأَ خَلْقَ الْإِنسَانِ مِن طِينٍ﴾

Maksudnya, "Dia (Allah S.W.T) yang membuat segala sesuatu yang Dia ciptakan seindah-indahnya dan yang memulakan ciptaannya manusia dari tanah" (al-Quran. al-Sajdah: 7).

Bumi yang merupakan penempatan bagi umat manusia juga dihiasi dengan segala keindahan. Allah S.W.T bukan sekadar menjadikan manusia sebagai makhluk yang terindah, mengatasi segala makhluk yang lain. Allah S.W.T juga menjadikan naluri cinta kepada keindahan di dalam diri manusia. Islam memperakui serta menerima kecintaan manusia kepada keindahan atau kesenian sebagai satu fitrah anugerah Allah S.W.T kepada manusia.

Islam sebagai *al-din* yang serba serbi lengkap ini mengambilkira hal kesenian di dalam perundangannya. Justeru itu, Islam telah datang untuk menyempurnakan fitrah semulajadi manusia yang cinta kepada kesenian dengan menentukan garis panduan seni yang diredhai oleh Allah S.W.T, iaitu segala kesenian yang tidak bercanggahan dengan akidah, syarak dan akhlak.

Seni yang diterima oleh Islam dapat dibezakan dari seni yang bertentangan dengannya adalah berdasarkan kepada niat penciptaan dan nilai akidah, syarak dan akhlak yang dijelmakan oleh kesenian tersebut. Kesenian Islam dicetuskan dengan niat untuk mendapatkan keredhaan Allah S.W.T, manakala kesenian yang tidak menepati Islam diciptakan untuk tujuan takbur, riyak serta memberi impak yang tidak baik kepada akidah, syarak dan akhlak.

Seni Islam mempunyai hubungan dengan pandangan Islam atau *world view* Islam, iaitu dengan pandangan wahyu Islam yang mempengaruhi seni secara langsung dan seluruh seni Islam secara umumnya. Hubungan antara wahyu Islam dengan seni Islam dibuktikan oleh hubungan organik antara seni ini dengan ibadah Islam dan antara kontemplasi tentang Tuhan seperti yang dianjurkan dalam al-Quran. Seni Islam terpancar dari wahyu Allah S.W.T iaitu al-Quran dan hadith Rasulullah S.A.W sama seperti peraturan syariatNya. Ini bermakna ia harus berada di bawah lingkungan dan peraturan wahyuNya. Tanpa kedua-dua sumber ini iaitu al-Quran dan hadith maka

tidak ada kesenian Islam. Seni Islam bukan sahaja kerana ia telah dicipta oleh orang Islam tetapi disebabkan ia berlandaskan wahyu Ilahi (Seyyed Hossein Nasr 1987). Walaupun umat Islam digalakkan mencipta karya-karya kesenian, ianya tidak harus bercanggah dengan nilai dan hukum Islam dan semestinya perlu diukur berdasarkan ciri-ciri yang bersesuaian dengan etika Islam (Othman Mohd.Yatim 1989).

Tujuan seni Islam ialah kerana Allah S.W.T. Ia memberi kesejahteraan kepada umat manusia.Oleh yang demikian, seni adalah unsur yang membawa kesejahteraan.Seni bukanlah seni untuk seni. Sekiranya ia untuk tujuan kemasyarakatan maka ia bersesuaian dengan seni Islam (Amir A. Rahman 1991). Dalam ertikata yang lain, seni Islam ialah seni yang tidak meminggirkan nilai-nilai akidah, syarak dan akhlak manakala seni yang tidak berlandaskan Islam adalah sebaliknya. Seni Islam dapat dirumuskan sebagai ciptaan bentuk-bentuk indah dan menyenangkan juga mempunyai nilai-nilai estetika yang berpadu dengan nilai-nilai Islam.Doktrin tauhid menjadi paksi utama dalam seni Islam.


### CIRI-CIRI KESENIAN ISLAM

Islam sebagai *al-din* yang lengkap untuk kehidupan manusia termasuklah juga tentang aspek kesenian.Dalam pada itu Islam mengariskan beberapa ciri tertentu terhadap kesenian. Terdapat beberapa ciri khusus yang membezakan seni Islam dengan yang lain, iaitu:

#### Berpaksikan Doktrin Tauhid

Doktrin tauhid iaitu keesaan Allah S.W.T menjadi paksi kepada seni Islam yang meletakkan aspek tauhid sebagai sendinya.Karya seni Islam mengelakkan dari bercanggahan dengan nilai akidah, syarak dan akhlak. Persoalan mengenai niat, tujuan serta nilai akhlak yang terkandung dalam sesuatu hasil seni menjadi unsur-unsur yang membezakan antara seni Islam dengan yang lain. Oleh yang demikian dalam seni Islam tidak wujud ukiran patung-patung, gambar-gambar haiwan dan makhluk yang bernyawa.


Asas utama seni Islam dijiwai oleh falsafah dari doktrin tauhidnya yang menjadi inti akidah umat Islam dan membezakannya dari pegangan-pegangan lain. Hasil seni mungkin berbeza tetapi disatukan dengan falsafah tauhid yang turut menjiwai segala bidang keilmuan.



Rajah1 : Falsafah tauhid dalam pelbagai bidang keilmuan  
 Sumber: Shafie Abu Bakar (1992)

Dalam bidang kesenian Islam, falsafah tauhid menjadi inti dalam pecahan bidang-bidang seni itu sendiri. Berbeza sekali dengan kesenian Barat yang sering dilihat mengeneppikan aspek akhlak dan kebenaran. Dalam kesenian Barat, penciptaan imej selalunya menjadi keutamaan bagi seniman-seniman Barat (Ismail Faruqi 1973). Imej manusia dianggap sebagai pusat aktiviti seni seperti mana yang dijelaskan oleh Ibrahim Titus Burchardt (1989):

"Hampir kesemuanya di dalam seni Eropah dinyatakan di dalam bentuk imej. Akibat daripada itu martabat tertinggi di dalam hirarki kesenian Eropah diberikan kepada lukisan figuratif dan seni pahatan. Ini dianggap sebagai seni yang sebenarnya seni sedangkan senibina misalnya bersyarat kepada keperluan teknikal lain mendapat kedudukan yang lebih rendah."



Rajah2 : Falsafah tauhid dalam bidang-bidang seni  
Sumber: Shafie Abu Bakar (1992)

Walaupun terdapat larangan dalam Islam misalnya dengan penggunaan perlambangan manusia dan benda-benda yang bernyawa, namun larangan tersebut tidak bermakna seni yang dihasilkan oleh seniman Islam tidak cantik atau tidak indah, malahan larangan tersebut membolehkan seniman Islam mencipta motif-motif lain yang tidak kurang menariknya seperti geometri dan arabesque (Othman Mohd. Yatim, 1996).

Islam tidak membenarkan perlambangan sepertimana yang dijelaskan kerana dikhuatiri akan mendorong kepada perbuatan syirik dan kufur. Tiada larangan untuk menghasilkan karya seni yang cantik asalkan tidak bertentangan dengan dengan akidah dan tauhid. Larangan itu membolehkan umat Islam mengubah orientasi mereka kepada penciptaan berbentuk abstrak serta menggalakkan pengucapan ciptaan dalam bentuk kaligrafi, pola-pola geometri dan tumbuh-tumbuhan. Situasi sedemikian tidak mungkin wujud andainya penumpuan hanya lebih terarah kepada motif berbentuk figura manusia (Lois Lamy al-Faruqi, 1982). Faktor ini telah meletakkan nilai yang tinggi dalam penghasilan seni Islam sehinggakan pengkarya seni Barat mengiktiraf hiasan seni reka umat Islam sebagai yang terbaik (T.W Arnold dan A. Guillaume, 1931).

Kesenian Islam dilihat sebagai manifestasi ketakwaan seniman Islam terhadap penciptanya. Ketakwaan mereka itu dilahirkan melalui unsur-unsur ragam hias yang mereka terapkan ke atas bahan-bahan seni yang mereka hasilkan. Corak arabesque misalnya, tidak menunjukkan aspek awalan atau akhiran samada dihasilkan untuk ukiran kayu, tembikar, reka bentuk bangunan. Ianya memberi gambaran tentang

kesinambungan yang berterusan iaitu melambangkan sifat Allah S.W.T yang tiada permulaan dan pengakhiran (Othman Mohd.Yatim, 1996).

Penghasilan seni dalam konteks kesenian Islam, menjurus kepada aspek ketauhidan dan kebesaran Allah S.W.T. Seni bina bangunan seperti masjid dan kubah memaparkan hala tuju yang sama umat manusia dalam menuju keredaan dan memperakui keagungan PenciptaNya. Setiap bahan seni tidak diciptakan secara kebetulan, ianya dipengaruhi terutamanya oleh doktrin Islam yang berkait rapat dengan akidah. Faktor ini menentukan hasil kesenian Islam di seluruh dunia. Faktor-faktor lain seperti latar belakang sejarah, budaya memainkan peranan dalam mewujudkan perbezaan bentuk seni Islam yang dihasilkan. Sungguhpun pada zahirnya terdapat perbezaan dari segi bentuk tetapi dari aspek fungsinya memperlihatkan kewujudan sebuah kesatuan.

### **Keindahan**

Seni merupakan sebahagian daripada fitrah manusia. Fitrah manusia menyukai sesuatu yang cantik dan indah. Di sinilah sebab timbulnya seni kerana ia merupakan sebahagian daripada fitrah manusia. Manusia suka melihat perkara-perkara yang indah. Oleh sebab Islam itu adalah agama fitrah, maka Islam menggalakkan seni dan ciptaan yang indah-indah. Allah S.W.T juga suka kepada sesuatu yang indah. Antara keindahan itu ada yang dapat dilihat oleh mata, ada yang dapat didengar oleh telinga dan ada yang dapat dirasai oleh pancaindera yang lain (Yusuf Qaradawi, 2002).

Pelbagai definisi tentang keindahan diutarakan. Ada yang mengatakan keindahan itu adalah sesuatu yang menyenangkan, menyeronok dan menghiburkan. Menurut Plato, keindahan itu ialah realiti atau hakikat yang bersifat abadi dan tidak berubah-ubah. Plotinus pula menyifatkan keindahan itu ialah hakikat yang mutlak dan berpandangan bahawa dirinya dalam realiti keindahan. Manakala Hegel mengatakan keindahan itu adalah pancaran cita-cita mutlak melalui saluran indera. Ia adalah sejenis pernyataan roh, seni, agama dan filsafat yang merupakan tingkat-tingkat tertinggi dari perkembangan roh (Sidi Gazalba, 1977). Keindahan disifatkan sebagai permasalahan yang subjektif, tidak boleh diterangkan dengan konsep serta tidak boleh diberi kriteria tertentu yang boleh menentukannya secara objektif (Guy Sircello, 1975).

Berdasarkan kepada beberapa pendapat yang diberikan, secara tidak langsung memperlihatkan tahap dan martabat tanggapan tentang keindahan itu. Melihat keindahan sebagai sesuatu yang menyenangkan, menyeronok dan menghiburkan adalah didasarkan kepada tanggapan lahir yang berasaskan kepada tanggapan inderawi dan tertakluk di bawah martabat nafsu yang rendah sifatnya. Manakala yang melihatnya dari sudut hakikat yang filosofik dan metafizik maka ianya sebagai realiti yang mutlak. Tahap ini melihat keindahan bukan semata-mata melalui mata dan pengalaman indera lahiriah, tetapi melalui mata batin, iaitu akal dan jiwa yang dapat menikmati keindahan yang hakiki (Ahmad Kamal Abdullah, 1990).

Dari segi psikologi, keindahan itu dilihat sebagai sesuatu yang sesuai kepada pancaindera dan deria rasa. Dikatakan akal itu bukan sahaja mempunyai deria fikiran dan kemahuan malahan juga deria rasa dan ini adalah diperlukan bagi memenuhi kepentingan tertentu. Keindahan yang lahir itu dapat menimbulkan rasa kesenangan atau kepuasan tertentu dalam diri yang disebut sebagai estetika. Konsep keindahan merujuk kepada satu perasaan yang menggembirakan, menyenangkan serta memberi kepuasan jiwa. Namun demikian, penciptaan seni-seni yang dihasilkan hendaklah tidak bercanggah dengan nilai dan hukum agama (Abdullah Yusof, 2001).

Keindahan juga dilihat sebagai objek penilaian, ianya bersifat ideal dan bukannya fakta. Suatu karya atau bahan yang dikatakan indah, keindahannya itu tidak terletak pada karya atau bahan itu sendiri tetapi ia adalah satu perasaan yang dihayati oleh manusia ketika meneliti karya atau bahan itu. Konsep keindahan ialah merujuk kepada rasa yang menggembirakan, menyenangkan, memuaskan, yang baik dan dihargai. Rasa yang menggembirakan atau menyenangkan ini akan wujud bila kita diketemukan dengan objek-objek yang indah yang selalu dikatakan mempunyai seni

malah dalam konteks kebudayaan, bidang yang berfungsi memenuhi nilai estetik masyarakat ialah bidang kesenian (Mahyudin Yahya 1998). Penciptaan makhluk Allah S.W.T yang penuh dengan unsur-unsur keindahan, memperlihatkan kebesaran Allah S.W.T sebagai Pencipta Yang Maha Sempurna.

Menurut Ku Zam Ku Idris (1984), sesuatu objek yang dihasilkan bagi menimbulkan kesan keindahan bukan sahaja bertujuan untuk digunakan (*utility purpose*) malahan penciptaan tersebut diharapkan dapat memberikan kegembiraan dan menyenangkan hati. Sebagai objek penilaian, keindahan itu bersifat ideal bukan fakta. Suatu karya yang dikatakan mempunyai keindahan itu tidak semata-mata terletak pada karya atau bahan itu sendiri tetapi ia adalah satu perasaan yang dihayati oleh manusia ketika meneliti karya atau bahan itu.

Sifat-sifat keindahan yang lahir dapat menimbulkan kesenangan atau kepuasan yang tertentu dalam diri yang disebut sebagai estetika. Dalam menghayati estetika atau keindahan ini, seolah-olah perasaan ditarik ke dalam objek tersebut menyebabkan timbulnya rasa disatukan dengannya (Othman Mohd. Yatim, 1989).

### **Unsur Moral**

Seni dalam Islam adalah berkait rapat dengan aspek moral. Setiap seni yang dicipta dan dibawa hendaklah mempunyai unsur-unsur yang baik, bermoral serta bebas dari unsur-unsur negatif. Seni adalah refleksi atau pantulan agama pada kebudayaan yang mengandungi nilai-nilai akhlak dan bersendikan niat murni bagi mendapatkan keredhaan Allah S.W.T. Oleh yang demikian, Islam amat menekankan kepada moral dan akhlak yang baik dalam menghasilkan sesuatu seni dan Islam memberikan garis panduan dalam penghasilan seni bagi memperoleh keredhaanNya.

Karya seni Islam dikehendaki mengandungi nilai-nilai murni yang melambangkan akhlak, sekiranya terdapat nilai-nilai negatif maka ia terkeluar dari kategori seni Islam. Islam diturunkan oleh Allah S.W.T adalah untuk kebaikan dan bukan sebaliknya, maka karya seni yang dicipta atau dibawa atas nama Islam semestinya membawa bersama ciri-ciri akhlak atau moral. Agama membentuk akhlak dan akhlak membentuk seni. Seni merupakan refleksi daripada agama Islam yang mengandungi nilai-nilai akhlak. Apabila agama menjadi teras dalam seni, maka secara tidak langsung ia tidak mengenenpikan persoalan moral. Dalam Islam, seni dan moral adalah berkait rapat di antara satu sama lain. Karya seni Islam mengandungi nilai-nilai murni atau setidak-tidaknya bersifat neutral iaitu bebas dari nilai-nilai negatif. Sesuatu karya itu walaupun dihasilkan oleh seorang yang beragama Islam, namun sekiranya terdapat nilai-nilai negatif maka ia terkeluar dari kategori seni Islam (Mahyudin Yahya 1998).

Seni dalam Islam mampu mendidik umat manusia ke arah yang lebih baik. Di dalamnya terkandung mesej-mesej yang membawa impak positif kepada umat manusia sama ada dalam usaha meningkatkan ketakwaan kepada Allah S.W.T, pembinaan peribadi dan sahsiah diri yang baik dan sebagainya.

### **Kepelbagaian dalam Kesatuan**

Satu ciri yang jelas terdapat di dalam aspek ketamadunan Islam juga termasuk dalam bidang penghasilan seni ialah ciri kesatuan atau kesepaduan (Abdul Ghani Shamsudin, 2001). Agama Islam tersebar melewati sempadan geografi, politik, bangsa dan budaya yang pelbagai. Ekoran dari perbezaan tadi mewujudkan kepelbagaian dalam kesatuan. Ia dianggap satu daripada ciri kesenian Islam. Ianya dipancarkan kepada motif yang diukur atau diterapkan pada beberapa bentuk seni Islam seperti senibina, seni kaligrafi, seni persembahan dan lain-lain walaupun mempunyai latarbelakang yang berbeza. Namun jelasnya di sini, dari segi prinsip dan fungsi kesenian Islam masih memperlihatkan kesatuan yang jitu. Hal ini adalah bersesuaian dengan Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap dan menyeluruh.

Kesenian Islam harus diselaras dengan berdasarkan konsep inti yang berhubungan dengan satu kesatuan yang lebih besar sepertimana yang terpancar


pada motif-motif yang diukir atau diterapkan pada beberapa penghasilan seni seperti pertukangan logam, tembikar, ukiran kayu dan sebagainya. Bersesuaian dengan konsep umat dan pembinaan al-Quran yang mana setiap perkataan merupakan satu unit penting bagi mendokong susunan dan makna ayat. Begitu juga dengan seseorang muslim yang menjadi satu unit penting dalam kesatuan umat. Dalam analogi yang lain, seorang muslim boleh melakukan ritual sebagai satu unit namun boleh juga menjadi sebahagian dari satu unit yang lebih besar sekiranya dilakukan secara berjemaah. Konsep penyatuan ini wujud dalam kesenian Islam. Mengambil contoh pembinaan awan larat pada ukiran kayu, terlihat unit-unit corak yang tersendiri serta dapat berdiri dengan sendiri dan jika dikeluarkan unit-unit itu satu persatu didapati ianya adalah satu unit yang indah, namun bila unit itu menjadi kesatuan yang lebih besar maka pada keseluruhan corak ukiran itu akan menjadi lebih indah (Othman Mohd. Yatim 1989).

Dalam memperkatakan tentang seni bina Islam samada bangunan-bangunan tersebut berunsurkan keagamaan atau tidak, ditemui satu fakta iaitu kepelbagaian dalam kesatuan walaupun ianya dibuat di tempat yang berbeza. Kepelbagaian itu dapat dilihat pada bentuk-bentuk bangunan dan bahan mentah yang digunakan. Di sini, bentuk dan bahan mentah itu adalah dipengaruhi oleh alam persekitaran dan budaya manakala dari aspek kesatuannya jelas terlihat dari segi fungsi atau kegunaan bangunan-bangunan tersebut (Othman Mohd. Yatim 1989).

Faktor latar belakang sejarah dan budaya yang berbeza-beza menjadikan wujudnya perbezaan dalam penghasilan seni namun dari segi prinsip dan fungsi masih memperlihatkan kesatuan (Mahyudin Yahya 1998). Ini dapat dilihat dalam pelbagai bidang kesenian. Walaupun penghasilan yang berbeza namun masing-masing tidak melanggar prinsip akhlak, akidah dan syariat yang menjadi tunjang dalam kesenian Islam.

### Hubungan antara Agama, Etika dan Estetika

Hubungan yang indah dan yang baik adalah hubungan antara agama, etika dan estetika. Agama membentuk akhlak dan seni Islam adalah pantulan dari agama dan akhlak. Apabila disebut seni satu bidang kebudayaan maka ianya teribat secara tidak langsung dalam kehidupan masyarakat. Kombinasi antara agama, etika dan estetika menghasilkan keindahan dalam hubungan. Ketiga-tiganya membentuk jajaran sepertimana yang digambarkan dalam rajah di bawah ini.



Rajah3 :Jajaran hubungan agama, etika dan estetika

Sumber: Sidi Gazalba (1977)

Fungsi perhiasan ialah untuk keindahan manakala keindahan ialah akar kesenian dan tujuan perhiasan ialah kesenangan. Frasa tersebut menyimpulkan hubungan erat antara agama, etika dan estetika (seni) (Abdullah Yusof 2001). Seni dilahirkan oleh agama dan etika pula merumuskan ajaran agama tentang yang baik dan yang buruk (Sidi Gazalba 1977). Ini menjelaskan bahawa hubungan ini berkait rapat dalam kombinasi agama, etika dan estetika. Prinsip agama menjadi tunjang kepada pembentukan seni Islam yang tidak meminggirkan aspek nilai dan etika. Seni Islam memberi kesan langsung kepada pembentukan nilai-nilai yang baik baik sekaligus memperlihatkan keistimewaan seni Islam itu sendiri.

## PRINSIP-PRINSIP KESENIAN ISLAM

Secara umumnya terdapat beberapa prinsip terdapat dalam kesenian Islam itu sendiri. Prinsip-prinsip ini menjadikan sesuatu seni itu berada di landasan untuk pengiktirafan sebagai seni yang dikelaskan menepati kehendak atau tujuan seni dalam Islam.

- 1) Mengangkat martabat insan dengan tidak meninggalkan nilai-nilai kemanusiaan, nilai persekitaran dan sejagat. Alam sekitar sebagai galerinya manakala manusia menjadi seniman yang menggarap segala unsur kesenian untuk tunduk serta patuh kepada keredaan Allah S.W.T.
- 2) Mementingkan persoalan akhlak dan kebenaran yang menyentuh aspek-aspek estetika, kemanusiaan, moral dan lain-lain.
- 3) Kesenian Islam menghubungkan keindahan sebagai nilai yang tergantung kepada keseluruhan kesahihan Islam itu sendiri. Kesenian yang mempunyai nilai tertinggi ialah yang mendorong ke arah ketakwaan, kemakrufan, kesahihan dan budi yang mantap.
- 4) Kesenian Islam terpancar daripada wahyu Allah S.W.T sama seperti undang-undang Allah S.W.T dan syariatnya. Oleh yang demikian, ia harus berada di bawah lingkungan dan peraturan wahyu. Ini yang membezakan kesenian Islam dengan kesenian yang lain.
- 5) Kesenian Islam menghubungkan manusia dengan Tuhan, alam sekitar dan sesama manusia dan makhluk yang lain (Amini Amir Abdullah 1997).

## PENUTUP

Ajaran Islam tidak meminggirkan persoalan tentang kesenian, malahan turut meraikannya sebagai satu aspek dalam kebudayaan manusia. Syariat Islam telah meletakkan beberapa dasar yang perlu dipatuhi dalam penghasilan seni. Tamadun Islam turut memberikan sumbangan besar dalam bidang kesenian sama ada senibina, seni kaligrafi, seni suara, seni penulisan (kesusasteraan) dan sebagainya. Sesuatu seni itu hanya layak disebut sebagai seni Islam apabila ianya menepati ciri-ciri dan prinsip seni yang berlandaskan kepada agama Islam. Doktrin tauhid adalah tunjang yang menjadikan seni Islam mempunyai daya tarikan dan keistimewaannya yang tersendiri, atau dengan kata lain, seni bukan sekadar menggambarkan keindahan tetapi juga memberi nilai takwa. Karya seni Islam bukanlah bersifat bebas nilai malah ia adalah refleksi kepada ketinggian nilai akhlak yang merupakan antara perkara fundamental dalam ajaran Islam. Kepelbagaian bentuk seni yang lahir daripada kepelbagaian geografi, politik, bangsa dan budaya masyarakat yang menganut agama Islam pula menzahirkan satu dimensi kesatuan dalam kepelbagaian yang unik iaitu kepelbagaian pada rupa zahir seni namun memiliki kesatuan pada prinsip akidah, syariah dan akhlak yang menjadi asas kepada kesenian Islam. Hal ini memperlihatkan kesenian Islam dalam kerangka jalinan hubungan yang erat dan saling berkait antara agama, akhlak dan estetika.

## RUJUKAN

Al-Quran.

Abdul Ghani Shamsudin. 2001. *Seni Dalam Islam*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication.

Abdullah Yusof. 2001. *Aktiviti Seni dalam Masyarakat Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Ahmad Kamal Abdullah. 1990. *Kesenian Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Amini Amir Abdullah. 1997. *Tamadun Islam*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Amir A. Rahman. 1991. *Pengantar Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Arnold, T.W dan Guillaume. 1931. *The Legacy of Islam*. Dorset: Blandford Press.

- Burchardt, Ibrahim Titus. 1989. *Peranan Seni Halus di dalam Pendidikan Muslimin: Falsafah Kesusasteraan dan Seni Halus*. Terj. Baharudin Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Faruqi, Ismail dan al-Faruqi, Lois Lamy. 1992. *The Cultural Atlas of Islam*. Washington D.C.: International Institute of Islamic Thought.
- Al-Faruqi, Ismail R.. 1973. *Islam and Art*. *Studia Islamica*. 37:
- Al-Faruqi, Lois Lamy. 1982. *Islamic Art or Muslim Art*. Kertas Kerja Sempena Pameran Seni Lukis dan Seni Khat. Anjuran Balai Seni Lukis Negara.
- Al-Faruqi, Lois Lamy. 1982. Peranan Seni dalam Islam. *Dewan Budaya*. Oktober: 23-25.
- Grabar, Oleg. 1974. *Architecture: The Legacy of Islam*. Oxford: Oxford University Press.
- Kamus Dewan*. 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ku Zam Ku Idris. 1984. Nilai Keindahan dalam seni kraftangan Melayu, *Dewan Budaya* Jun: 40-43.
- Mahyudin Yahya. 1998. *Tamadun Islam*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Mohd.Taib Osman dan A. Aziz Deraman. 2000. *Tamadun Islam di Malaysia: Kesenian Melayu, Roh Islam Dalam Penciptaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Abdul Jabbar Beg. 1981. *Fine Art in Islamic Civilization*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mujani Tarimin dan Fairuz el-Basri. *Pembentukan Generasi Melalui Seni*. International Seminar on Islamic Thoughts. Islam: Past, Present and Future. Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia. 7-9 Disember 2004
- Othman Mohd.Yatim. 1989. *Warisan Kesenian dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Read, Herbert. 1959. *The Meaning of Art*. London: Penguin Books.
- Rice, David Talbot. 1975. *Islamic Art*. London: Thames and Hudson.
- Sayyid Qutub. 1984. *Konsepsi Sejarah dalam Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Gedung Gua.
- Seyyed Hossein Nasr. 1987. *Islamic Art and Sprituality: The Islamic Texts Society*. Cambridge: London.
- Shafie Abu Bakar. 1992. *Kesenian Islam di Malaysia*. Bangi: Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sidi Gazalba. 1977. *Pandangan Islam tentang Kesenian*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- Sircello, Guy. 1975. *A New Theory of Beauty*. New Jersey: Princeton University Press.
- Siti Rugayah Tibek. *Seni Membentuk Nilai Murni*. Kertas Kerja. Seminar Serantau Dakwah dan Kesenian. Anjuran Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia 7-8 Ogos 2006.
- The Encyclopedia Americana*. 1995. International Edition. 30 vols. Danbury: Grolier Incorp.
- Yusuf Qaradawi. 2002. *Seni dan Hiburan dalam Islam*. Terj. Muhammad Baihaqi. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers.

#### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*